

Tindakan Semangat 46 kemuka petisen **Tidak sanggup akui kekalahan**

Oleh MAHFAR ALI

BANDAR DARULAMAN, Isnin — Tindakan beberapa pemimpin Semangat 46 yang mengemukakan petisen di mahkamah berhubung keputusan pilihanraya umum lalu, menunjukkan tabiat orang yang tidak sanggup menerima kekalahan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pemimpin terbabit seharusnya menerima keputusan rakyat seperti mana Umno menerima kekalannya di Kelantan.

"Kita kalah di Kelantan, tetapi kita tidak mahu berbuat apa-apa kerana kita terima keputusan rakyat negeri itu," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sini, hari ini.

Minggu lalu, Ketua Wanita Semangat 46, Datuk Paduka Hajah Rahman Osman dan Naib Presiden Semangat 46, Hajah Marina Yusof, mengemukakan petisen memohon pengisytiharan mahkamah supaya keputusan pilihanraya umum lalu bagi kawasan Parlimen Shah Alam dan Lembah Pantai dibatalkan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan semua calon jawatan Majlis Tertinggi (MT) Umno dalam pemilihan akhir bulan ini supaya bertanding mengikut tradisi orang Melayu.

"Kalau tidak dipilih, kita terima, tapi jangan merajuk. Jangan apabila kalah, kita tidak mahu sokong orang yang menang. Cara ini tidak sporting," katanya.

Perdana Menteri juga berpendapat fahaman demokrasi di negara ini cetek kerana selepas pilihanraya, orang Pas tidak mahu bercakap dengan Umno dan tidak mahu sembahyang bersama.

"Kita mengamalkan sistem demokrasi bukan hendak memecahbelahkan rakyat, tetapi memilih pemimpin yang terbaik," katanya.

Bercakap kepada pemberita pula, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau menyerahkan kepada pemimpin parti komponen lain dalam BN sama ada hendak mencontohi pendiriannya yang tidak mahu menyebelahi mana-mana pihak dalam pemilihan parti.

Bagaimanapun beliau berpendapat seseorang pemimpin tidak wajar menolak orang yang tidak menyokongnya dalam parti.

Menurutnya, ini kerana orang berkenaan juga boleh menolak pemimpin terbabit dalam pilihanraya.

"Kita tubuhkan parti kerana hendak bertanding dalam pilihanraya. Sebab itu kita mesti yakinkan orang ramai supaya dapat sokongan," katanya.

Beliau berkata, Umno juga akan mengadakan kursus bagi memastikan semua pemimpin dan ahlinya, terutama anggota baru, memahami dasar dan perjuangannya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kursus itu yang akan diadakan sepanjang masa, penting kerana sebahagian masalah dalam parti tercetus akibat sesetengah orang menyertai Umno tanpa memahami dasar parti.

"Malah, ada pemimpin pun tidak memahami perjuangan Umno. Mereka masuk Umno untuk mendapat tempat dalam parti dan kerajaan atau mahu jadi calon," katanya.

Selain beliau, kata Perdana Menteri, Umno akan memilih ahli yang memahami dasar perjuangan parti, termasuk Ketua Penerangan Umno, Datuk Hussein Ahmad serta tokoh veteran parti untuk mengendalikannya.